



TABUNG
Pendidikan

**Tahukah anda
PTPTN menyediakan
pelbagai kaedah
bayaran balik?**



www.ptptn.gov.my

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
Tingkat Bawah, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Careline: 03 - 2193 3000

Aduan Online: icare.ptptn.gov.my

Hubungi saya untuk pertanyaan/rundingan:

Tindakan Senarai Hitam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Gagal Bayar Balik?



- Peminjam boleh disenarai hitam jika masih ingkar membuat bayaran balik pinjaman dan mempunyai tunggakan.
- Tindakan senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menyebabkan peminjam tidak dibenarkan memperbaharui passport dan/atau dihalang daripada ke luar negara.
- Peminjam dikehendaki membayar **keseluruhan hutang pinjaman atau keseluruhan tunggakan** termasuk semua kos yang dikenakan sebelum nama mereka dikeluaran daripada senarai hitam. Sekiranya tidak mampu, peminjam hendaklah berunding dengan PTPTN bagi membuat bayaran apa-apa jumlah yang dipersetujui oleh PTPTN.
- Semakan senarai hitam JIM boleh dibuat melalui saluran berikut:
 - ① Careline PTPTN di talian 03-2193 3000
 - ② Portal Rasmi PTPTN (Ruang Semakan Senarai Hitam)
 - ③ Portal Rasmi JIM melalui pautan <http://sspi2.imi.gov.my>
 - ④ Hadir ke kaunter PTPTN/JIM
- Peminjam hendaklah memastikan bayaran tunggakan dan rundingan diselesaikan 7 hari sebelum ke luar negara.
- Peminjam akan disenarai hitam semula sekiranya gagal membuat bayaran balik mengikut kaedah yang dipersetujui semasa rundingan.

3 LANGKAH MUDAH

- 1 Semak Tunggakan
 - 2 Runding & Bayar
 - 3 Semak Status Senarai Hitam
- Hubungi Careline PTPTN 03-2193 3000/ cawangan PTPTN berdekatan
Semak di Portal Rasmi PTPTN/ Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Saman

- Tindakan saman akan diambil sekiranya peminjam gagal membayar balik kesemua jumlah tunggakan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh Notis Tuntutan dikeluarkan.
- Sekiranya saman telah difaikan, peminjam perlu membayar **keseluruhan hutang pinjaman**. Sekiranya tidak mampu, peminjam hendaklah berunding dengan PTPTN bagi membuat bayaran keseluruhan tunggakan atau apa-apa jumlah yang dipersetujui oleh PTPTN.
- Tindakan pelaksanaan penghakiman akan diambil sekiranya peminjam masih gagal membuat bayaran penuh keseluruhan pinjaman atau bayaran keseluruhan tunggakan atau apa-apa jumlah yang dipersetujui oleh PTPTN.

Pengecualian Bayaran Balik

- Pengecualian bayaran balik pinjaman merupakan insentif kepada peminjam yang mendapat ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama tertakluk kepada syarat dan peraturan ditetapkan.
- Peminjam hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada PTPTN bagi menikmati insentif ini.
- Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 12 bulan (1 tahun) daripada tarikh konvokesyen.



Penangguhan Bayaran Balik

- Kelulusan penangguhan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh PTPTN.
- Penangguhan yang diberikan tidak menghalang PTPTN untuk menyenaraikan peminjam dalam rekod Central Credit Reference Information System (CCRIS) dan /atau melaksanakan sekitan ke luar negara dan/atau menyalurkan nama kepada pihak ketiga bagi tujuan pemantauan.
- Kos upah dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.
- Permohonan penangguhan hanya dipertimbangkan kepada pinjaman Urahan sahaja.

www.ptptn.gov.my

**Bayaran Balik Anda Menentukan Jaminan
Pinjaman Untuk Generasi Akan Datang**



Pengenalan

- Peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik semua jumlah pinjaman yang dikeluarkan termasuk kos-kos lain seperti kos upah, premium takaful dan bayaran-bayaran lain seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran Pinjaman.
- Peminjam hendaklah membuat bayaran balik mengikut Jadual Bayaran Balik (JBB) yang telah ditetapkan dengan konsisten bagi mengelakkan tunggakan.
- Peminjam yang tidak berkemampuan untuk membuat bayaran balik hendaklah hadir berunding dengan PTPTN.



Tempoh Bayaran Balik

- Tempoh bayaran balik bermula selepas 6 bulan tamat pinjaman dan peminjam akan disenaraikan dalam Central Credit Reference Information System (CCRIS).
- Peminjam akan menikmati penjimatan kos upah sekiranya bayaran balik dibuat sebelum tempoh tersebut kerana tiada kos upah dikenakan.



- Kos upah (Ujrah) 1% setahun akan dikenakan secara bulanan bermula pada bulan ke-7.
- Peminjam hendaklah membuat bayaran balik **TANPA** perlu menunggu sebarang arahan/Notis Bayaran Balik daripada PTPTN.

Tempoh bayaran balik berdasarkan jumlah pinjaman adalah seperti berikut:

Jumlah Prinsipal	Tempoh Bayaran Balik
RM 10,000 dan ke bawah	60 bulan (5 tahun)
Melebihi RM 10,000 hingga RM 22,000	120 bulan (10 tahun)
Melebihi RM 22,000 hingga RM 50,000	180 bulan (15 tahun)
Melebihi RM 50,000	240 bulan (20 tahun)



Formula pengiraan ansuran bulanan bagi pinjaman Ujrah adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Kos Upah} = \frac{\text{Prinsipal} \times \text{Upah} (\%)}{\times \text{Tempoh Bayaran Balik (tahun)}}$$

$$\text{Jumlah Ansuran Bulanan}^* = \frac{\text{Prinsipal} + \text{Jumlah Kos Upah}}{\text{Tempoh Bayaran Balik (tahun)}}$$

* Tidak termasuk kos-kos lain.

Bermasalah??
Kami Bantu Anda..

Pertukaran Pinjaman
 Konvensional (3%) kepada Pinjaman Ujrah (1%).

Penjadualan Semula Pinjaman.

Saluran Bayaran Balik


Saluran	Keterangan
Direct Debit	<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan potongan secara berkala daripada Akaun Simpanan/Akaun Sesama. Dapatkan Borang Kebenaran Direct Debit (<i>Authorization Direct Debit</i>*) di kaunter PTPTN. Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke mana-mana kaunter PTPTN terdekat. <ul style="list-style-type: none"> Hanya borang permohonan yang ASAL diterima.
Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"> Potongan gaji melalui Jabatan Aksauntan Negara (JANM) atau majikan. Permohonan potongan gaji melalui kemudahan berikut: <ul style="list-style-type: none"> Secara online di Portal Rasmi PTPTN Borang Kebenaran Potongan Gaji Bayaran Balik* Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke cawangan PTPTN berdekatan
Akaun II Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	<ul style="list-style-type: none"> Peminjam perlu membuat permohonan pengeluaran pendidikan secara online melalui e-pengeluaran di laman web KWSP.
Kaunter Ejen	<ul style="list-style-type: none"> Bank Islam CIMB Bank Bank Simpanan Nasional (BSN) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) Pos Malaysia
Kaunter PTPTN (seluruh negara)	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran secara tunai. Bayaran tanpa tunai melalui Electronic Data Capture (EDC) Terminal menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> Kad debit dan kad ATM yang mempunyai logo MEPS. Kad kredit (Visa dan Mastercard sahaja).



Bayaran Balik Di Hujung Jari Anda

Saluran	Keterangan
JomPAY Online	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran melalui perbankan internet dan telefon mudah alih dengan akaun simpanan/semasa /kad kredit.
Financial Processing Exchange (FPX) di Portal Rasmi PTPTN	<ul style="list-style-type: none"> Bank Islam CIMB Bank Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) Maybank RHB Bank AmBank Hong Leong Bank United Overseas Bank (UOB) Bank Muamalat Affin Bank Alliance Bank
MyPay PTPTN	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran secara online melalui telefon pintar menggunakan web apps Layari www.mygovmobile.malaysia.gov.my/mypay/ptptn
Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"> Bank Islam (www.bankislam.biz) CIMB Bank (www.cimbclicks.com.my) Bank Simpanan Nasional (www.mybsn.com.my) Bank Rakyat (www.irayat.com.my) Maybank (www.maybank2u.com.my) Public Bank (www.pnbbank.com.my) RHB Bank (www.rhb.com.my) AmBank (www.ambankgroup.com.my) Agrobank (www.agronet.com.my) Affin Bank (www.affinonline.com) Pos Online (www.posonline.com.my)

Semakan Penyata



Surat Penyelesaian Hutang

Peminjam yang membuat penyelesaian penuh pinjaman boleh mendapatkan Surat Penyelesaian Hutang daripada PTPTN.